



**MAKTABAH
AL-IHYA'
(002556335 – M)**

1. PENDAHULUAN

MAKTABAH AL-IHYA' ditubuhkan sebagai pusat keilmuan yang menggabungkan fungsi sebagai: Pusat sumber, pusat perbahasan dan penyelidikan, dan pusat pembangunan ilmu turath Islam.

Setakat ini, ianya mengkhususkan untuk pusat pengembangan ilmu-ilmu berkaitan Usuluddin (Tauhīd) Tasawwuf, dan Thabat (ilmu-ilmu Sanad) dan Muhammadiyah. Dalam erti kata yang lain, Maktabah Al-Ihya' ditubuhkan sebagai Usuluddin Center.

Maktabah Al-Ihya' diselia dan dibimbing oleh penyelia kehormat, al-Syeikh al-Syarif Yusuf bin Muhyiddin al-Bakhour al-Hasani dari Lubnan. Ia dipimpin oleh wakil beliau, al-Fadil al-Ustaz Raja Ahmad Mukhlis bin Raja Jamaludin al-Azhari.

Maktabah al-Ihya' menyediakan bahan-bahan bacaan dalam bidang ilmu-ilmu Islam, terutamanya dalam bidang aqidah, tasawwuf, Muhammadiyah, dan sanad-sanad keilmuan Islam, merangkumi pelbagai bahasa, terutamanya Bahasa Arab, Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu.

Bahkan, ia juga menjadi tempat penyelidikan dan perbincangan ilmiah sesama para ilmuwan dalam bidang agama bagi membahaskan tentang isu-isu semasa yang melibatkan agama Islam.

Di samping itu juga, ianya dijadikan tempat untuk melatih para mahasiswa untuk membuat penyelidikan ilmiah, memahami ilmu-ilmu agama yang asas serta membimbing para peserta untuk memahami karya para ulama' Islam.

Selain daripada ianya sebagai pusat sumber dan pusat penyelidikan, ianya juga menyediakan kelas-kelas bimbingan dan kursus-kursus intentsif bagi mendekatkan masyarakat ilmuwan kepada khazanah keilmuan warisan para ulama' Islam silam.

2. TUJUAN PENUBUHAN

Dapat disimpulkan, tujuan tujuan penubuhannya antara lain adalah:

1. Menubuhkan institusi pengajian dan penyelidikan ilmu berasaskan Ahli Sunnah wal Jamaah
2. Melaksanakan aktiviti dakwah dan tarbiah kepada masyarakat
3. Menganjurkan pengajian ilmu agama Islam
4. Menerbitkan bahan-bahan rujukan ilmiah bersumberkan warisan para ulama'
5. Melakukan aktiviti perbahasan dan penyelidikan ilmiah
6. Menyalurkan bantuan kepada para penuntut ilmu

3. DASAR KEILMUAN

Dasar keilmuan Maktabah Al-Ihya' adalah berteraskan kerangka Ahli Sunnah wal Jamā'ah iaitu

Pertama: Aqidah mengikut kerangka mazhab Ahli Sunnah wal Jama'ah, iaitu mazhab al-Asy'ari dan al-Māturīdi, serta yang bersesuaian dengannya.

Kedua: Syariah (Fiqh) mengikut kerangka mazhab fiqh yang muktabar dalam kalangan Ahli Sunnah wal Jama'ah, iaitu Mazhab Ḥanafi, Māliki, Syāfi'ī, dan Ḥanbali.

Ketiga: Tazkiyyah (Akhlak) mengikut kerangka manhaj (metodologi) Tasawwuf yang muktabar dalam kalangan Ahli Sunnah wal Jama'ah, iaitu manhaj al-Junaidi dan manhaj al-Ghazāli.

4. KEGIATAN KEILMUAN DI MAKTABAH AL-IHYA'

Antara kegiatan-kegiatan ilmiah yang dilaksanakan di MAKTABAH AL-IHYA':

PENGAJIAN UMUM

Maktabah al-Ihya' menjalankan pelbagai pengajian ilmu-ilmu agama yang asas, terutamanya, Aqidah, Fiqh, dan Tasawwuf, kepada masyarakat awam, secara percuma.

PENGAJIAN KHUSUS

Maktabah Al-Ihya' juga, dengan kerjasama di bawah Akademi Al-Ihya', mengadakan pengajian-pengajian sijil pengkhususan dalam bidang Ilmu Kalām (Aqidah) dan Tasawwuf.


PERBAHASAN ILMIAH

Maktabah Al-Ihya' juga menjalankan pelbagai majlis perbahasan-perbahasan Ilmiah, terutamanya berkaitan dengan Aqidah, Tasawwuf, dan Muḥammadiyyāt. Ianya melibatkan penyertaan ramai ilmuwan yang dijemput, yang berkeahlian dalam bidang masing-masing.

PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN ILMIAH

Maktabah Al-Ihya' turut menjalankan pelbagai aktiviti-aktiviti penyelidikan ilmiah, serta menerbitkannya untuk disebar sama ada kepada masyarakat awam, ataupun kepada ahli ilmu.

5. CARTA ORGANISASI MAKTABAH AL-IHYA'



6. ANTARA PROGRAM MAKTABAH AL-IHYA'

BACAAN KUTUB SITTAH

- [1 - 11 Julai 2011] **Bacaan Kitab *Ṣaḥīḥ* al-Bukhari** yang dipimpin oleh al-Fadhil al-Muhaddith al-Syeikh Muhammad 'Awadh al-Manqush.
- [18 - 26 Mei 2012] **Majlis Bacaan Kitab *Jāmi'* al-Tirmizi** yang dipimpin oleh al-Fadhil al-Muhaddith al-Syeikh Muhammad 'Awadh al-Manqush dengan kerjasama Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), yang bertempat di Masjid al-Azhar, KUIS.
- [28 Mei - 10 Jun 2012] **Majlis Bacaan Kitab *Ṣaḥīḥ* Muslim** yang dipimpin oleh al-Fadhil al-Muhaddith al-Syeikh Muhammad 'Awadh al-Manqush.
- [8-18 November 2012] **Majlis Bacaan Kitab *Sunan* al-Nasa'ie** yang dipimpin oleh al-Fadhil al-Muhaddith al-Syeikh Muhammad 'Awadh al-Manqush, dengan kerjasama KUIS, yang bertempat di Masjid al-Azhar, KUIS.
- [24-29 Mei 2013] **Majlis Bacaan *Sunan* Ibn Majah** yang dipimpin oleh al-Fadhil al-Muhaddith al-Syeikh Muhammad 'Awadh al-Manqush dengan kerjasama KUIS, yang bertempat di Masjid al-Azhar, KUIS.
- [11 September 2016] **Majlis Periwiyatan Kitab Hadith Sahih Abi Daud** yang dipimpin oleh al-Fadhil al-Muhaddith al-Syeikh Muhammad 'Awadh al-Manqush.
- [21-27 Disember 2016] **Majlis Bacaan *Sunan* Ibn Majah** yang dipimpin oleh al-Fadhil al-Muhaddith al-Syeikh Muhammad 'Awadh al-Manqush dengan kerjasama Darul Hasani Shah Alam.

7. KRONOLOGI PROGRAM-PROGRAM MAKTABAH AL-IHYA' (2011-2020)

- 1-11 Julai 2011: Bacaan Kitab *Ṣaḥīḥ* al-Bukhari (Sehingga Khatam) yang dipimpin oleh al-Fadhil al-Muhaddith al-Syeikh Muhammad 'Awadh al-Manqush.
- 18-26 Mei 2012: Majlis Bacaan Kitab *Jāmi'* al-Tirmizi yang dipimpin oleh al-Fadhil al-Muhaddith al-Syeikh Muhammad 'Awadh al-Manqush dengan kerjasama Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), yang bertempat di Masjid al-Azhar, KUIS
- 28 Mei-10 Jun 2012: Majlis Bacaan Kitab *Ṣaḥīḥ* Muslim yang dipimpin oleh al-Fadhil al-Muhaddith al-Syeikh Muhammad 'Awadh al-Manqush.
- Oktober-Oktober 2012: Majlis Bacaan Kitab *Bulughul Marom* yang dipimpin oleh al-Fadhil al-Muhaddith al-Syeikh Muhammad 'Awadh al-Manqush.
- 8-18 November 2012: Majlis Bacaan Kitab *Sunan* al-Nasa'ie yang dipimpin oleh al-Fadhil al-Muhaddith al-Syeikh Muhammad 'Awadh al-Manqush, dengan kerjasama KUIS, yang bertempat di Masjid al-Azhar, KUIS.
- Januari-Mac 2013: Daurah Pengajian dan Ulangkaji Fardhu 'Ain Asas yang dipimpin oleh al-Fadhil al-Ustaz Raja Ahmad Mukhlis bin Raja Jamaludin al-Azhari (Pengasas Maktabah al-Ihya').
- Februari 2013: Program Belajar Untuk Belajar (Pengantar kepada Ilmu Pengetahuan siri 11. Pengenalan) yang dipimpin oleh al-Fadhil al-Ustaz Muhammad Hosni bin Zain al-Abidin al-Azhari.
- Mac 2013: Pengajian Khas: Daurah 40 Hadis Akhlak Dan 40 Hadis Susuk Tubuh Rasulullah yang dipimpin oleh al-Fadhil al-Ustaz Raja Ahmad Mukhlis bin Raja Jamaludin al-Azhari (Pengasas Maktabah al-Ihya').
- Mac 2013: Pengajian Khas: Daurah Ilmu Sorof (Bahasa Arab Asas) yang dipimpin oleh al-Fadhil al-Ustaz Muhammad Hosnee bin Zain al-Abidin al-Azhari
- 20 April 2013: Daurah Fiqh *al-Ibādah* (Wudhu', Solat, Puasa dan Zakat) berasaskan kitab *Matan al-Ghāyah wa al-Taqrīb* yang dipimpin oleh al-Fadhil [Dr] al-Ustaz Aiman al-Akiti (dari Malaysia).
- 11 Mei 2013: Seminar Sejarah, Perkembangan dan Metodologi Tarekat Sufi yang dipimpin oleh Al-Fadhil Sheikh Abu Muhammad Rahimuddin bin Nawawi al-Bantani (dari Indonesia)

- 24-29 Mei 2013: Majlis Bacaan *Sunan* Ibn Majah yang dipimpin oleh al-Fadhil al-Muhaddith al-Syeikh Muhammad ‘Awadh al-Manqush dengan kerjasama KUIS, yang bertempat di Masjid al-Azhar, KUIS.
- 26-30 Mei 2013: Daurah *al-Muqaddimāt* Imam al-Sanusi (Pengantar Ilmu Kalam Mazhab al-Ash’ari) yang dipimpin oleh al-Fadhil al-Ustaz Raja Ahmad Mukhlis bin Raja Jamaludin al-Azhari (Pengasas Maktabah al-Ihya’)
- 31 Mei – 3 Jun 2013: Majlis Bacaan Hadith *Muwatta’* al-Imām Malik yang dipimpin oleh al-Fadhil al-Muhaddith al-Syeikh Muhammad ‘Awadh al-Manqush, dengan kerjasama UKM, yang bertempat di Masjid UKM.
- 13 Jun 2013: Daurah Pengenalan Hadis Musalsal dan Periwiyatan hadis-hadis Musalsal yang dipimpin oleh al-Fadhil Al-Musnid Sheikh Muhammad Husni Ginting al-Langkati (dari Indonesia)
- 15 September 2013: **MAJLIS IJTIMA’ TAREKAT SUFI (MITaS) KALI PERTAMA.** Pertemuan khas bersama para pengamal tarekat sufi dan para ilmuwan pengkhususan bidang tasawuf bagi membincangkan isu-isu berkaitan perkembangan tasawuf di Malaysia dan masa depannya. Di bawah moto: “Ke Arah Kesatuan Gerak Kerja dalam Mempertahankan dan Mengembangkan Metodologi Tarbiah Tarekat Sufi dan Tasawuf Islam di Malaysia.” Majlis tersebut dipengerusikan oleh Al-Murobbi al-Sheikh Abu Muhammad Rahimuddin bin Nawawi Al-Bantani. Ia dihadiri oleh beberapa ilmuwan dan para murobbi sufi antaranya: Al-Fadhil al-Sheikh Nasir bin Othman (Wakil Darul Hasani Negeri Sembilan merangkap wakil tuan rumah), Al-Fadhil Dr. Shuhadak, Al-Fadhil Dr. Abdul Rahman Mahmood (UKM), Al-Fadhil Ustaz Radihan Saari (JAKIM), Al-Fadhil Ustaz Hafidz Soroni (KUIS) dan beberapa tokoh ilmuwan yang lain.
- Oktober 2013: Pengajian Khas: Daurah Tahzib Al Akhlaq (Syeikh Ibnu Arabi) yang dipimpin oleh Al-Fadhil Sheikh Abu Muhammad Rahimuddin bin Nawawi al-Bantani (dari Indonesia).
- Januari-November (2014) : Program Pengajian Kelas Fardhu ‘Ain 2014 (Aqidah, Fiqh dan Tasawuf, Setiap hari Ahad) yang dipimpin oleh al-Fadhil al-Ustaz Raja Ahmad Mukhlis bin Raja Jamaludin al-Azhari dan al-Fadhil al-Ustaz Muhammad Hosnee bin Zain al-Abidin al-Azhari.
- Januari 2014: Majlis Maulid dan Periwiyatan Hadith yang dipimpin oleh al-Fadhil Al-Musnid Sheikh Muhammad Husni Ginting al-Langkati (dari Indonesia).

- Februari 2014: Daurah Menjiwai Tauhid yang dipimpin oleh al-Fadhil al-Ustaz Raja Ahmad Mukhlis bin Raja Jamaludin al-Azhari.
- Mac 2014: Diskusi Kitab *Tahzīb al-Akhlāq* yang dipimpin oleh Al-Fadhil Sheikh Abu Muhammad Rahimuddin bin Nawawi al-Bantani (dari Indonesia).
- April 2014: Daurah ilmu Mantiq yang dipimpin oleh al-Fadhil al-Ustaz Raja Ahmad Mukhlis bin Raja Jamaludin al-Azhari.
- Mei 2014: Pengajian Kitab *Adāb Sulūk al-Murīd* yang dipimpin oleh al-Fadhil al-Ustaz Raja Ahmad Mukhlis bin Raja Jamaludin al-Azhari.
- Julai 2014: Daurah Tauhid Arsalan yang dipimpin oleh Al-Fadhil Sheikh Abu Muhammad Rahimuddin bin Nawawi al-Bantani (dari Indonesia).
- September 2014: Diskusi Kitab Penerangan Yang Tepat Untuk Membetulkan Beberapa Fahaman Yang Keliru yang dipimpin oleh al-Fadhil Al-Musnid Sheikh Muhammad Husni Ginting al-Langkati (dari Indonesia).
- Januari-Disember 2015: Program Pengajian Akademi Ulum Hadith (pelbagai kitab ilmu hadith) diadakan sepanjang tahun yang dipimpin oleh oleh al-Fadhil Al-Musnid Sheikh Muhammad Husni Ginting al-Langkati (dari Indonesia).
- Februari 2015: Daurah Kitab Nihayah Al Sofa Fi Mahabbah Al Mustafa S.A.W yang dipimpin oleh al-Fadhil [Dr] al-Ustaz Luqmanul Hakim.
- Mac 2015: Daurah Risalah At-Tarki yang dipimpin oleh al-Fadhil Al-Musnid Sheikh Muhammad Husni Ginting al-Langkati (dari Indonesia).
- Mei 2015: Daurah Kitab *Khuṭūrah Musāwah Al-Ḥadīth al-Ḍa'īf bi Al Maudū'* yang dipimpin oleh al-Fadhil Al-Musnid Sheikh Muhammad Husni Ginting al-Langkati (dari Indonesia).
- 13 Jun 2015: Pengajian Usuluddin Khas: Manhaj dan Usul Aqidah al-Asha'irah yang dipimpin oleh al-Fadhil al-Ustaz Raja Ahmad Mukhlis bin Raja Jamaludin al-Azhari.
- Ogos 2015: Kuliyyah Usuluddin : Manhaj *Asyā'irah Fi Al-'Aqīdah* (Siri 1) yang dipimpin oleh al-Fadhil al-Ustaz Raja Ahmad Mukhlis bin Raja Jamaludin al-Azhari.
- Oktober 2015: Daurah *Matan Abi Syuja* yang dipimpin oleh al-Fadhil [Dr] al-Ustaz Aiman al-Akiti (dari Malaysia).

- November 2015: Daurah Matan As Suqhra Sughra yang dipimpin oleh al-Fadhil al-Ustaz Raja Ahmad Mukhlis bin Raja Jamaludin al-Azhari.
- 7 Disember 2015 : Pengajian Khas: Daurah Kitab Matan *al-Ghāyah wa al-Taqrīb* al-Imām Abi Syuja' yang dipimpin oleh al-Fadhil al-Syeikh Ayman al-Akiti.
- Disember 2015-Januari 2016: Program Pengajian Akademi Usuluddin pelbagai kitab ilmu akidah yang dipimpin oleh al-Fadhil al-Ustaz Raja Ahmad Mukhlis bin Raja Jamaludin al-Azhari.
- Januari-Disember 2016: Program Pengajian Kelas Fardhu 'Ain (Aqidah, Fiqh dan Tasawuf) yang dipimpin oleh al-Fadhil al-Ustaz Raja Ahmad Mukhlis bin Raja Jamaludin al-Azhari, al-Fadhil al-Ustaz Muhammad Hosnee bin Zain al-Abidin al-Azhari dan al-Fadhil al-Ustaz Anwar bin Mohamad.
- Januari-Disember 2016: Pengajian Zawiyah Yusufiyah 2016 yang dipimpin oleh al-Fadhil al-Ustaz Raja Ahmad Mukhlis bin Raja Jamaludin al-Azhari, al-Fadhil al-Ustaz Muhammad Hosnee bin Zain al-Abidin al-Azhari dan al-Fadhil al-Ustaz Anwar bin Mohamad.
- Januari 2016: Kelas Intensif Tajwid yang dipimpin oleh al-Fadhil al-Ustaz Anwar bin Mohamad.
- 6-7 Febuari 2016: Pengajian Khas: Daurah Ilmu Sorof (Bahasa Arab Asas) yang dipimpin oleh al-Fadhil al-Syeikh Ayman al-Akiti.
- 11-13 Mac 2016: Pengajian Khas Kitab *al-'Aqīdah al-Burhāniyyah* yang dipimpin oleh al-Fadhil al-Syeikh Dr. Khalid Zahri (Moroko), dengan kerjasama YADIM dan KUIS.
- April 2016: Kelas Intensif Fiqh Wanita yang dipimpin oleh al-Fadhil al-Ustaz Muhammad Hazim.
- Julai 2016: Pengajian Tafaqquh Fi Ad Din yang dipimpin oleh al-Fadhil al-Ustaz Raja Ahmad Mukhlis bin Raja Jamaludin al-Azhari, al-Fadhil Sheikh Abu Muhammad Rahimuddin bin Nawawi al-Bantani, al-Fadhil al-Ustaz Adlan Aziz, al-Fadhil al-Ustaz Hanif dan al-Fadhil al-Ustaz Johari Mohd Som.
- Ogos 2016: Daurah Kitab Al Adab yang dipimpin oleh al-Fadhil al-Ustaz Salahuddin.
- September 2016: Majlis Periwiyatan Kitab Hadith Sahih Abi Daud yang dipimpin oleh al-Fadhil al-Muhaddith al-Syeikh Muhammad 'Awadh al-Manqush.

- Oktober 2016: Talaqqi Kitab *Al-Mūqizah* yang dipimpin oleh al-Fadhil al-Muhaddith al-Syeikh Muhammad ‘Awadh al-Manqush.
- November 2016: Daurah Matan *al-Muqaddimāt al-Sanūsiyyah* yang dipimpin oleh al-Fadhil al-Ustaz Raja Ahmad Mukhlis bin Raja Jamaludin al-Azhari.
- Disember 2016: Bacaan Kitab Al Syifa Bi Taarif Huquq Al Mustafa yang dipimpin oleh al-Fadhil al-Muhaddith al-Syeikh Muhammad ‘Awadh al-Manqush.
- 21-27 Disember 2016: Majlis Bacaan *Sunan* Ibn Majah yang dipimpin oleh al-Fadhil al-Muhaddith al-Syeikh Muhammad ‘Awadh al-Manqush dengan kerjasama Darul Hasani Shah Alam.
- Januari-Mei 2017: Pengajian Zawiyah Yusufiyah 2017 yang dipimpin oleh al-Fadhil al-Ustaz Raja Ahmad Mukhlis bin Raja Jamaludin al-Azhari, al-Fadhil al-Ustaz Muhammad Hosnee bin Zain al-Abidin al-Azhari dan al-Fadhil al-Ustaz Anwar bin Mohamad.
- Mac 2017: Bengkel Asas I'rab yang dipimpin oleh al-Fadhil al-Ustaz Muhammad Hosnee bin Zain al-Abidin al-Azhari.
- Mei 2017: Program Menghayati Peristiwa Isra' Mikraj yang dipimpin oleh al-Fadhil al-Ustaz Raja Ahmad Mukhlis bin Raja Jamaludin al-Azhari, al-Fadhil al-Ustaz Muhammad Hosnee bin Zain al-Abidin al-Azhari dan al-Fadhil al-Ustaz Muhammad Fahmi al-Azhari.
- Julai 2017: Daurah Kitab Aqidah Al Hafidah yang dipimpin oleh al-Fadhil al-Ustaz Raja Ahmad Mukhlis bin Raja Jamaludin al-Azhari.
- Mac 2019-kini (2020): Akademi Usuluddin (Usuluddin/Tasawwuf) – 3 tahun pengajian yang dipimpin oleh al-Fadhil al-Ustaz Raja Ahmad Mukhlis bin Raja Jamaludin al-Azhari, al-Fadhil [Dr] al-Ustaz Aiman al-Akiti , al-Fadhil al-Ustaz Maulana Ihsan, al-Fadhil al-Ustaz Muhammad Hosnee bin Zain al-Abidin al-Azhari dan al-Fadhil al-Ustaz Mohd Aliff Shahrizan.

6. ANGGARAN OPERASI DAN PERBELANJAAN TAHUNAN

1. KOS OPERASI DAN PERBELANJAAN BULANAN

| NO | PERKARA | KOS (RM) | JUMLAH (RM) |
|---------------------------|-------------------------|----------|-------------|
| 1 | Sewa Bulanan | 2000 | 2000 |
| 2 | Utiliti (TNB/SYABAS/TM) | 1000 | 1000 |
| 3 | Pustakawan | 1000 x 2 | 2000 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | | 4000 |

| | |
|-----------------------------------|--------|
| JUMLAH KESELURUHAN TAHUNAN | 48 000 |
|-----------------------------------|--------|

2. KOS PERBELANJAAN PENGAJIAN

| NO | PERKARA | KOS (RM) | JUMLAH (RM) |
|---------------------------|----------------------|--|-------------|
| 1 | Tenaga Pengajar | 200 (sepengajian) X 3 tenaga pengajar x 4 sesi pengajian | 2400 |
| 2 | Tetamu Khas (Ulama') | 1000 | 1000 |
| 3 | Majlis dan Jamuan | 1000 | 1000 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | | 4400 |

| | |
|-----------------------------------|--------|
| JUMLAH KESELURUHAN TAHUNAN | 52 800 |
|-----------------------------------|--------|

3. KOS AKTIVITI DAN PENYELIDIKAN ILMIAH TAHUNAN

| NO | PERKARA | KOS (RM) | JUMLAH (RM) |
|---------------------------|------------------------|------------------------------------|-------------|
| 1 | Penyelidik Khas | 500 X 2 (orang) X 12 (bulan) | 12 000 |
| 2 | Cetakan sumber rujukan | 10 000 | 10 000 |
| 3 | Belian sumber rujukan | 10 000 | 10 000 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | | 32 000 |

7. KEPERLUAN DANA

Maktabah Al-Ihya' ialah badan dakwah dan pengajian yang dibuka kepada umum. Oleh itu, ianya beroperasi melalui dana awam sama ada melalui kutipan ataupun jualan amal. Bagi melancarkan pentadbiran Maktabah Al-Ihya' maka, dana sangat diperlukan.

Antara keperluannya adalah untuk:

1. Penyusunan aktiviti pengajian ilmu agama kepada awam dan para penuntut ilmu.
2. Bantuan kepada para penuntut ilmu yang mengkhususkan diri untuk menuntut ilmu.
3. Aktiviti penyelidikan dan perbincangan ilmiah dalam kalangan para ilmuwan, terutamanya melibatkan bidang Usuluddin dan Muhammadiyah.
4. Penambahan bahan-bahan bacaan dan sumber rujukan di Maktabah Al-Ihya', terutamanya dalam bidang Aqidah, Ilmu Kalam, Falsafah, Tasawwuf, Sanad-sanad ilmu (Thabat), dan Muhammadiyah.

8. MAKLUMAT AKAUN

No Akaun Maktabah Al-Ihya':

8602633450

CIMB MAKTABAH AL IHYA



LAMPIRAN 1:
PENGHARGAAN BUAT MAKTABAH AL-IHYA’
OLEH DR. KHALID ZAHRI
(PUSTAKAWAN PERPUSTAKAAN DIRAJA
KHIZANAH HASANIYYAH, RIBATH, MOROKO)



Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam atas Nabi yang Mulia, juga atas ahli keluarga dan para sahabat seluruhnya. Saya telah meneliti silibus yang diajarkan di Maktabah al-Ihya’ di Selangor, Malaysia, yang berteraskan kitab-kitab berikut: *Al-Aqīdah al-Tahāwīyyah*, *al-Muqaddimāt fi al-Tauhīd* oleh [al-Imām] al-Sanusi dan syarah beliau atasnya, *al-Kharīdah al-Bahīyyah* oleh [al-Imām] al-Dardīr, *Risālah al-Tauhīd* oleh [al-Syeikh] Arislan al-Dimasyqi dan sebagainya, yang mana kitab-kitab ini merangkumi intipati aqidah Ahli Sunnah wal Jamā’ah, yang mana orang yang memeliharanya akan keluar daripada hambatan *taqlīd* menuju makrifah (pengetahuan) yang boleh menyelamatkannya pada hari akhirat kelak.

Oleh yang demikian, Maktabah al-Ihya’ merupakan antara pusat terbesar yang menyumbang kepada pengukuhan asas tunjang *Ummah Islamiyyah*, yang mana tunjang utamanya ialah asas aqidah Ahli Sunnah wal Jamā’ah. Maka, tidak ketinggalan juga bagiku untuk menjelaskan peranan yang dimainkan oleh saudara kami yang dikasihi, *al-Adīb al-Arīb al-‘Ālim al-Alma’ī* al-Ustaz Sayyidi Raja Ahmad Mukhlis pada terhadap aqidah Ahli Sunnah wal Jamā’ah melalui Maktabah al-Ihya’, begitu juga aktiviti ilmiah dan keagamaan yang disusun dan diselia olehnya.

Allah ﷻ -lah yang diminta untuk memberi ganjaran kepadanya dengan sebaik-baik ganjaran, dan merahmati setiap orang beriman dan soleh, yang bersama dengannya pada jalan usaha ini, dan bersama sentiasa dengannya dalam merealisasikan usaha ilmiah dan keagamaan, yang sedang dilakukan olehnya.

Ini ditulis oleh insan yang memerlukan kepada Tuhannya:
[Dr] Khalid bin Hasan bin Muhammad bin Sholeh bin Sulaiman
yang digelar dengan Zahri.

Iaitu setelah Asar, pada hari Ahad, 18 Jumadil Thaniyyah, pada tahun 1437 H, bersamaan 27 Mac tahun 2016, di Bandar Bangi yang dipelihara oleh Allah ﷻ daripada segala keinginan yang buruk, sedang Dia Maha Pemberi Petunjuk kepada jalan yang lurus. Segala puji bagi Allah SWT, Tuhan seluruh alam.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ، وَالصَّلَاةِ وَالسَّلَامِ عَلَى النَّبِيِّ
الْحَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَبَعْدُ،
فَقَدْ أَطَّلَعْتُ عَلَى الْمُقَرَّرِ الَّذِي يَدْرُسُ فِي
مَكْتَبَةِ الْإِحْيَاءِ بِوَلَايَةِ سَلَاخُورٍ / مَالِيْزِيَا، وَالَّذِي
يَعْتَمِدُ عَلَى الْكُتُبِ التَّالِيَةِ: "الْعَقِيدَةُ الطَّحَاوِيُّةُ"،
و"المَقْدِمَاتُ فِي التَّوْحِيدِ" لِلسَّنُوسِيِّ، وَشَرْحُهَا عَلَيْهِمَا،
و"الْحَزِينَةُ الْبَهِيَّةُ" لِلدَّرْدِيرِ، وَ"رِسَالَةُ التَّوْحِيدِ" لِأَرْسَلَانَ
الدَّمَشَقِيِّ، وَغَيْرِهَا، وَهِيَ كُتُبٌ تَشْتَمِلُ عَلَى مَا زِيدَ
عَقَائِدُ أَهْلِ السُّنَّةِ وَالْجَمَاعَةِ، وَيَصِيرُ الْحَافِظُ لَهَا
خَارِجًا عَنِ رِبْقَةِ التَّقْلِيدِ إِلَى الْمَعْرِفَةِ الَّتِي تَنبَغِي
صَاحِبِهَا يَوْمَ الدِّينِ، وَبِذَلِكَ فَإِنَّ مَكْتَبَةَ الْإِحْيَاءِ
مِنْ أَحْمَرِ وَأَعْظَمِ الْمَرَاكِزِ الَّتِي تُسَهِّلُ فِي تَرْسِيخِ
ثَوَابِتِ الْأُمَّةِ الْإِسْلَامِيَّةِ، وَعَلَى رَأْسِهَا ثَابِتُ
عَقِيدَةِ أَهْلِ السُّنَّةِ وَالْجَمَاعَةِ، كَمَا لَا يَفُوتُنِي أَنْ
أَتَوَّاهُ بِالدُّورِ الَّذِي يَقُومُ بِهِ أَحْوَانُنَا الْحَبِيبُ، الْأَدِيبُ
الْأَرِيْبُ، الْعَالِمُ الْأَلْمَعِيُّ، الْأَسْتَاذُ سَيِّدِي مَرَاجَا

أحمد مخلص في الدَّوْعِ عن عقيدة أهل السنة
والجماعة، من خلال مكتبة الأحياء، والأنشطة
العلمية والدينية التي ينظّمها ويشرف عليها.
والله تعالى المسؤول أن يجازيه خير الجزاء، وأن
يرحم كل مؤمن صالح سار معه في الدَّربِ،
وأخذ بيده في تحقيق مشاريعه
العلمية والدينية.

وكتبه الفقير إلى ربه، خالد بن حسن بن
محمد بن صالح بن سليمان، المدعوّ "زهري"
وذلك بعد عصر يوم الأحد 18 جمادى الثانية
عام 1437 الموافق ليوم 27 مارس سنة 2016،
وذلك في مدينة بانجيب المحروسة بحول الله من
وراء القصد، وهو الهادي إلى سواء السبيل،
والحمد لله رب العالمين.